

# PERSEPSI PENJAGA TERHADAP `SAR-KAFA' DALAM USAHA MEMBIMBING PELAJAR MENGUASAI KEMAHIRAN ASAS MEMBACA AL-QURAN DI `SAR-KAFA' KARIAH MASJID KAMPUNG PANDAN SATU, KUANTAN

*Hasmadi bin Hassan, Abdul Halim Hj.Taib*

Universiti Malaysia Pahang  
[hasmadi@ump.edu.my](mailto:hasmadi@ump.edu.my)

## **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan satu kajian kes bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi "Persepsi Penjaga Terhadap Pembelajaran `SAR-KAFA' di Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan". Sungguhpun asas kajian adalah untuk mendapatkan rumusan terhadap persepsi penjaga, namun faktor-faktor yang dikaji adalah juga meliputi tahap keyakinan penjaga, kesediaan serta kerjasama penjaga dan lain-lain yang berkenaan. Proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal-selidik sebagai instrumen utama. Kajian ini melibatkan semua penjaga pelajar. Sebanyak 52 set borang soal-selidik telah disediakan dan diedarkan kepada penjaga melalui pihak pengurusan `SAR-KAFA'. Data-data yang telah dikumpul, dianalisis dengan menggunakan aplikasi perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 23. Darjah kebolehpercayaan (nilai alpha cronbach) bagi item soal-selidik adalah .879. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati bahawa tahap keyakinan penjaga berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 4.4511 sementara tahap kesediaan penjaga adalah lebih tinggi dengan purata min 4.6250. Manakala nilai min bagi persepsi penjaga pula ialah 4.3533. Hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor-faktor yang dikaji telah memberi persepsi awal serta sangat mempengaruhi penjaga terhadap pembelajaran anak ke SAR-KAFA Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan, Pahang dalam usaha melahirkan generasi al- Quran. Walaubagaimanapun didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi, tahap kesediaan, tahap keyakinan dan tahap kerjasama penjaga dengan faktor demografi keluarga pelajar. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu kajian-kajian lanjutan dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan SAR-KAFA.

## **KATA KUNCI**

Persepsi, Kesediaan, Pembelajaran `SAR-KAFA'

## RUJUKAN

Abdul Halim Hj. Taib (2015). *Tahap Kefahaman Fardhu Ain Pelajar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan*. Kertas Projek Sarjana Muda Pengajian Islam (Fakulti Sains Sosial Gunaan) Universiti Terbuka Malaysia.

Alis bin Putih (2008). *Proses Pengajaran Dan Pembelajaran di Sekolah-sekolah Luar bandar: Satu Kajian di Kubang Pasu, Kedah*. Conference Paper: Seminar Pendidikan UTM Mei 2008.

Ammar Fadzil, Prof Madya Dr (2015). *AMST 5103, Isu Kontemporari Dalam Kajian Tafsir*. Pusat Reka Bentuk dan Teknologi Pengajaran, Open University Malaysia.

Azizi Umar, Supyam Hussin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Bashah, Mohd. Kamal Radiman & Abdul Fattah Pardeon (2013). *Masalah Pengurusan Dan Keperluan, Sekolah Agama Rakyat (SAR) / Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA), Persendirian di Selangor*. Pusat Pengajian umum Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Bani Hidayat bon Mohd Shafie, Norhayati Fatmi Talib. *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim*. IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor & Politeknik Banting, Selangor.